

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN NO. 13 HINGGA NO. 52)**

24 NOV 2016

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**NURELFIRA BINTI MOHD DAUD
SEKSYEN PERUNDANGAN & PROSIDING
PARLIMEN MALAYSIA**

SOALAN NO. 13

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATUK JOSEPH SALANG
ANAK GANDUM [JULAU]**

TARIKH : 24 NOVEMBER 2016

SOALAN :

YB Datuk Joseph Salang anak Gandum [Julau] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan bercadang mewujudkan semula satu Kementerian khas untuk hal ehwal Sabah dan Sarawak dalam suasana politik semasa kerana banyak manfaat yang akan diperoleh oleh rakyat kedua-dua negeri.

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan buat masa ini belum mempunyai cadangan untuk mewujudkan semula Kementerian khusus seperti yang dinyatakan. Untuk makluman Yang Berhormat, Sabah dan Sarawak mempunyai jawatan Setiausaha Persekutuan di negeri masing-masing yang menjadi pegawai persekutuan yang paling kanan di negeri-negeri berkenaan. Antara fungsi-fungsi Setiausaha Persekutuan di negeri berkenaan adalah mengukuhkan perhubungan Kerajaan Persekutuan Dengan Kerajaan negeri-negeri berkenaan dan sebagai pemudahcara pelaksanaan Projek-Projek Pembangunan di negeri-negeri berkenaan. Kerajaan sentiasa peka akan hal ehwal dari Sabah dan Sarawak dan komited dalam melaksanakan usaha-usaha pembangunan melalui kerjasama serta komunikasi berterusan di antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan negeri Sabah dan Sarawak.

Sekian, terima kasih.

Soalan No: 14

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATO' ABDULLAH SANI BIN
ABDUL HAMID [KUALA LANGAT]**

TARIKH : 24.11.2016

SOALAN :

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kedudukan PBS dan adakah proses yang membebankan guru-guru ini masih dilaksanakan di sekolah-sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) telah dilaksanakan sejak tahun 2011 bagi sekolah rendah dan tahun 2012 bagi sekolah menengah. PBS masih dilaksanakan di sekolah-sekolah hingga ke hari ini. Walau bagaimanapun telah banyak penambahbaikan dilakukan bagi memastikan guru-guru lebih berfokus kepada aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta tidak dibebani dengan tugas-tugas yang tidak berkaitan.

Di samping itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah membuat pengagihan custodian komponen PBS kepada Bahagian Pembangunan Kurikulum, Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Bahagian

Kokurikulum dan Kesenian dan Lembaga Peperiksaan sebagai peneraju utama PBS bertujuan untuk memastikan pengoperasian PBS dapat dilaksanakan dengan lancar mengikut panduan dan peraturan yang ditetapkan.

RJM76